

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 14.02.2025 MASA: 10.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KARNIVAL *UPCYCLE* DAN PROMOSI
PENGASINGAN SISA DIPUNCA DI PASARAYA AEON
ALMA, BUKIT MERTAJAM**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**16 FEBRUARI 2025 (AHAD)
3.30 PETANG**

**PASARAYA AEON ALMA, BUKIT MERTAJAM
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang yang penuh bermakna ini untuk menyaksikan **Karnival Upcycle Dan Promosi Pengasingan Sisa Dipunca Di Pasaraya Aeon Alma, Bukit Mertajam.**
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi, atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa bagi merasmikan karnival pada petang ini.
3. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan karnival pada petang ini.
4. Program Karnival *Upcycle* dan Promosi Pengasingan Sisa di Punca ini merupakan inisiatif berimpak tinggi yang dirangka bagi memperkasakan kesedaran dan tanggungjawab masyarakat dalam pemeliharaan alam sekitar. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya pengurusan sisa dan

kitar semula, serta memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbang kepada usaha pemeliharaan alam sekitar.

5. Karnival *Upcycle* ini memberi penekanan kepada proses transformasi bahan atau produk terpakai dengan menambah nilai dan fungsi baharu yang lebih bermanfaat serta berkualiti. Dalam konteks penganjuran karnival ini, aktiviti *upcycle* merangkumi pameran interaktif yang memaparkan teknik serta inovasi dalam mengolah bahan buangan menjadi produk bernilai guna semula, seperti beg, perabot dan elemen hiasan.
6. Program Promosi Pengasingan Sisa di Punca bertujuan untuk memperkasakan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan amalan pengasingan sisa yang sistematik, sama ada di kediaman mahupun di tempat kerja. Pengasingan sisa di punca merujuk kepada proses pemisahan bahan buangan seperti plastik, kertas, kaca dan sisa organik seawal peringkat pelupusan bagi memastikan keberkesanan serta kecekapan proses kitar semula yang lebih efisien.
7. Antara pengisian utama program ini termasuk sesi taklimat komprehensif mengenai pengasingan sisa di punca serta pameran inovatif barang *upcycle*. Penganjuran karnival ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform pendidikan, malah turut berperanan dalam memperkuuh kesedaran masyarakat terhadap kepentingan amalan kitar semula yang berkesan. Inisiatif ini selari dengan pelaksanaan

Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang telah dikuatkuasakan sejak Julai 2024.

8. Karnival ini akan berlangsung pada setiap hari Ahad minggu ketiga setiap bulan, dengan pelaksanaannya bermula pada hari ini, 16 Februari 2025. Program ini menyasarkan penyertaan seramai 200 individu, merangkumi para pengunjung, tetamu jemputan serta pempamer pameran yang terlibat.
9. Karnival *Upcycle* dan Promosi Pengasingan Sisa Dipunca ini akan disertai oleh pempamer pameran dalam kalangan komuniti setempat seperti komuniti Kepala Gajah, Simpang Ampat, Persatuan Junior Chamber International (JCI) Batu Kawan dan lain-lain komuniti yang berminat untuk mengambil bahagian dalam karnival ini.
10. Saya amat berharap agar program ini dapat memberikan impak yang signifikan terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengunjung mengenai kepentingan mengamalkan prinsip Pengguna Bijak 8R, iaitu ***Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover*** dan ***Recycle***. Dengan penerapan nilai-nilai ini, diharapkan masyarakat dapat membudayakan gaya hidup lestari demi kesejahteraan generasi akan datang.
11. Semua pihak juga diharapkan dapat menekankan pendekatan holistik dalam pengurusan alam sekitar bagi membentuk sebuah bandar raya rendah karbon yang berdaya huni. Usaha ini selari dengan visi

Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif

dan **Bandar Pintar**, sekali gus memperkuat komitmen terhadap pembangunan lestari.

12. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sokongan padu terhadap segala inisiatif MBSP serta kepada semua pihak yang telah berganding bahu dalam menjayakan karnival ini. Semoga usaha murni ini menjadi pemangkin kepada transformasi alam sekitar yang lebih baik demi kesejahteraan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***